

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 2/1987

PERMOHONAN MEMBAHARUI ATAU MELANJUT TEMPOH LESEN ATAU
PERMIT CARIGALI BIJIH DALAM NEGERI KELANTAN.

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua Pentadbir Tanah Jajahan tentang satu keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan semasa menimbang Kertas Bil.14/438/87(10) pada 24.8.1987 bahawa dimasa-masa akan datang semua Kertas Kerja untuk membaharui atau melanjutkan tempoh lesen atau permit carigali hendaklah disokong dengan laporan penyiasatan carigali yang telah dilaksanakan oleh pemohon dalam tempoh lesen atau permit yang telah dikeluarkan itu. Keputusan ini adalah selaras dengan Seksyen 39 (iii) Enakmen Melombong Negeri Kelantan 1939 yang memperuntukan bahawa jika sebelum luput sesuatu tempoh usaha carigali, pemegang lesen atau permit telah menunjukkan bukti yang memuaskan bahawa ada sebab-sebab yang baik dan munasabah bahawa kerja-kerja carigali tidak dapat diselesaikan, Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh memberi pertimbangan melanjut atau membaharui lesen atau permit tersebut. Disamping itu Seksyen 41 Enakmen Melombong Negeri Kelantan 1939 juga menghendaki setiap pemegang lesen atau permit carigali bijih mengemukakan hasil penyiasatan carigali dalam tempoh satu bulan setelah luput lesen atau permit atau setelah tamat penyiasatan. Setiap lesen atau permit carigali tidak dijalani usaha-usaha carigali selepas 3 bulan daripada tarikh pengeluaranya, lesen atau permit tersebut boleh dibatalkan mengikut Seksyen 38(v) dan 40(iii) Enakmen Perlombongan Negeri Kelantan 1939.

2. Kebenaran carigali bijih boleh dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui dua cara, iaitu lesen carigali bijih mengikut Seksyen 39 atau permit carigali mengikut Seksyen 40 Enakmen Melombong

"Permohonan untuk lesen carigali hendaklah dibuat mengikut Borang Jadual 9. Tidak ada borang disediakan bagi permohonan permit carigali dan amalan sekarang dengan menggunakan borang yang sama boleh terus digunakan sehingga arahan lain dikeluarkan".

Terdapat perbezaan antara hak-hak di bawah lesen carigali dan permit carigali. Lesen carigali adalah memberi hak "exclusive" kepada pemiliknya untuk menjalankan kerja-kerja carigali dalam kawasan yang diluluskan dan juga memberi hak keutamaan untuk memilih mana-mana bahagian dalam kawasan yang diluluskan untuk mendapat sijil atau pajakan melombong. Manakala pemegang permit carigali tidak mempunyai hak sedemikian. Justeru perbezaaan dalam kadar bayaran yang dikenakan di bawah Peraturan Melombong Negeri Kelantan 1940 iaitu \$50.00 bagi tiap-tiap 25 hektar selama 6 bulan bagi lesen carigali berbanding dengan \$10.00 bagi tiap-tiap 25 hektar selama 6 bulan untuk permit carigali.

3. Di masa-masa yang lepas semua permohonan untuk melanjutkan tempoh atau membaharui lesen atau permit carigali dikemukakan tanpa disertakan dengan laporan hasil penyiasatan yang telah dijalankan di bawah lesen atau permit yang dikeluarkan. Semua Pentadbir Tanah Jajahan adalah dikehendaki mematuhi arahan ini dengan sepenuhnya agar setiap kertas kerja yang dikemukakan menepati hasrat keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan juga peruntukan-peruntukan Enakmen Melombong Negeri Kelantan 1939.

Yang menurut perintah,

t.t
(HJ.ISMAIL HASSAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
15576 KOTA BHARU**

BERTARIKH: 3HB.OKTOBER, 1987

FAIL: P.T.G.KN.2/2/3/(3)

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan.

Salinan Kepada:-

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
3. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan.
4. YABrs. Ketua Juruaudit, Kelantan.
5. YABrs. Merinyu Kanan Galian,Wilayah Timur, Kuantan.
6. YABrs. Pegawai Penyiasatan Kajibumi, Kelantan.
7. YABrs. Pengarah Perhutanan.
8. Pegawai-Pegawai Tadbir, Pejabat P.T.G.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
15576 KOTA BHARU

TEL: 781957 Samb. 3010

Kemajlis,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan,
KELANTAN.

RUJUKAN KAMI: PTG.KN. 2/2/3/(4)

BERTARIKH : 7HB. OKTOBER 1987

Tuan,

**PEMBETULAN KEPADA ARAHAN PENGARAH TANAH DAN
GALIAN, KELANTAN BIL. 2 TAHUN 1987**

Saya pohon menarik perhatian tuan kepada arahan tersebut yang dikeluarkan mengenai permohonan membaharui atau melanjut tempoh lesen atau permit carigali bijih dalam Negeri Kelantan dan membuat pembetulan bagaimana berikut :-

- (a) Padamkan ayat kedua dalam perenggan 2 iaitu –
“permohonan untuk lesen carigali hendaklah dibuat mengikut Borang Jadual 9 dan permohonan permit carigali hendaklah dibuat dalam Borang Jadual 11 Enakmen Melombong Negeri Kelantan 1939”

dan GANTIKAN

“Permohonan untuk lesen carigali hendaklah dibuat mengikut Borang Jadual 9. Tidak ada borang disediakan bagi permohonan permit carigali dan amalan sekarang dengan menggunakan borang yang sama boleh diterus digunakan sehingga arahan lain dikeluarkan.”

Sekian dimaklumkan.

“APAKAH SUMBANGAN ANDA KEPADA AGAMA DAN NEGARA”

Yang menurut perintah,

t.t

(Hj. Ismail bin Hassan)
Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

s.k.

1. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
2. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
3. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
4. YABrs. Ketua Juruaudit, Kelantan
5. YABrs. Merinyu Kanan Galian, Wilayah Timur, Kuantan
6. YABrs. Pegawai Penyiasatan Kajibumi, Kelantan
7. YABrs. Pengarah Perhutanan, Kelantan
8. Pegawai-Pegawai Tadbir, Pejabat PTG.

